

BAB
KEENAM

BAB KEENAM:
ANALISIS HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL
DI MALAYSIA-PENILAIAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

6.0: Pendahuluan

Bab ini akan menjurus kepada analisis hukuman dan pemulihan pesalah juvenil yang dipraktikkan di negara ini, terutamanya daripada aspek peruntukan bentuk-bentuk hukuman di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947 dan program-program pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan akhlak di Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney. Analisis ini kemudiannya akan dibuat penilaian daripada perspektif Islam bagi mengenalpasti bentuk-bentuk kekurangan yang wujud dalam hukuman dan pemulihan yang sedia ada. Ini bagi membantu memantapkan lagi sistem hukuman dan pemulihan pesalah juvenil masa kini agar berjaya dalam matlamatnya untuk membendung peningkatan masalah sosial dan jenayah dalam negara.

6.1: Analisis Hukuman Terhadap Pesalah Juvenil Di Malaysia

Umumnya, terdapat sembilan bentuk hukuman terhadap pesalah juvenil yang direkodkan oleh Mahkamah Juvana sebagai ringkasan kepada peruntukan yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947. Berdasarkan peruntukan hukuman tersebut dan praktikalnya di Mahkamah Juvana, dapat dibuat beberapa analisis seperti berikut:

a) Proses pra-hukum

Setiap juvenil yang disyaki terlibat dalam apa-apa kesalahan dan ditangkap akan dibicarakan di Mahkamah Juvana, iaitu berasingan daripada pesalah dewasa dan dijalankan secara tertutup. Sebelum sesuatu hukuman diputuskan ke atas mereka, lazimnya mahkamah akan menyelidik latarbelakang pesalah yang meliputi diri, keluarga dan persekitarannya. Mahkamah juga akan merujuk kepada peruntukan statut yang berkaitan serta melantik sekurang-kurangnya dua orang penasihat yang bertindak menasihati majistret sebelum sesuatu bentuk hukuman diberikan. Segala prosedur ini amat wajar dilakukan dan dapat dilihat sebagai satu langkah untuk memastikan juvenil yang didakwa benar-benar diadili sebelum sesuatu bentuk hukuman dikenakan ke atas mereka. Pengasingan daripada pesalah dewasa adalah bertujuan untuk mengelakkan pengaruh tidak baik

ke atas juvenil yang masih belum matang. Perbicaraan di kamar tertutup pula dibuat atas dasar menjaga kemaslahatan juvenil dan keluarga mereka daripada pandangan serong masyarakat. Ini disebabkan secara teorinya mahkamah beranggapan, kesalahan yang dilakukan oleh seseorang juvenil adalah disebabkan sifat kurang matang pada diri mereka, di samping tidak mendapat didikan asas yang sewajarnya daripada ibu bapa. Oleh itu juvenil tersebut tidak wajar dipersalahkan atas perbuatannya serta masih boleh kembali dibentuk peribadi mereka, dengan ini kesalahan mereka tidak wajar didedahkan kepada umum sebagaimana pesalah dewasa. Secara psikologinya pula, perbicaraan kesalahan juvenil secara tertutup ini bertujuan agar tidak menyinggung atau mengganggu emosi mereka yang belum stabil dan masih di alam tumbesaran. Siasatan latarbelakang pesalah juvenil yang disyaki dibuat, bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengapa mereka boleh terlibat dalam delinkuensi dan melakukan kesalahan. Rujukan kepada statut pula perlu bagi memastikan hukuman yang bakal diberikan tidak melampaui had yang dibenarkan oleh undang-undang, manakala lantikan dua orang penasihat adalah wajar bagi memberi pandangan dan menasihati majistret dalam bentuk-bentuk hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan, memandangkan status pesalah selaku juvenil yang masih di bawah umur. Inilah kelebihan proses prahukum bagi pesalah juvenil, khususnya dalam perlantikan penasihat di

Mahkamah Juvana dan perbicaraan yang dijalankan secara tertutup, yang tidak diperuntukkan di mahkamah-mahkamah biasa untuk pesalah dewasa.

b) Proses dalam memberi hukuman

Terdapat beberapa prosedur yang diambilkira dalam memberi hukuman kepada pesalah-pesalah juvenil, seperti mengecualikan mereka daripada hukuman penjara dan hukuman mati. Prosedur ini adalah wajar memandangkan pesalah juvenil hanya layak dikenakan hukuman yang berbentuk pengajaran dalam usaha memulihkan akhlak mereka. Ini bererti sebarang hukuman yang berat adalah melampau dan tidak mampu dipikul oleh mereka. Tindakan menghukum seseorang ke penjara atau hukuman mati adalah menafikan peluang bekas pesalah untuk mengubah dan membaiki imej jahat pada diri mereka, dan ini tidak patut berlaku pada seseorang juvenil yang baru memulakan hidup mereka.

Mana-mana juvenil yang melakukan kesalahan, tetapi mahkamah mendapati masih boleh dikawal, akan diserahkan hak mengawal dan membentuk akhlak mereka kepada ibu bapa dengan jaminan wang yang dikenali sebagai bon, iaitu dalam suatu tempoh tertentu. Sekiranya mahkamah mendapati ibu bapa tidak mampu untuk mendidik dan mengawal juvenil tersebut dalam keadaannya yang masih terkawal, juvenil

tersebut akan diserahkan hak penjagaan dan kawalan kepada keluarga lain yang sanggup memikul tugas ini, dan wang jaminan sebelumnya akan dirampas. Sekiranya juvenil tersebut masih tidak dapat dikawal, maka mahkamah akan mengarahkan kemasukan mereka ke mana-mana pusat pemulihan akhlak, atau penjara jika keadaan memaksa. Selain itu, mahkamah juga berkuasa untuk melepaskan pesalah juvenil dengan amaran, atau dilepaskan dengan jaminan wang atau tanpa jaminan wang serta diberi amaran, atau mendakwa balik mereka yang melanggar perintah jaminan serta merampas wang jaminan. Segala tindakan ini dilihat bertujuan untuk menjaga kebijakan pesalah juvenil, iaitu memastikan mereka mendapat penjagaan, pendidikan dan pengawalan yang sepatutnya dalam usaha menghindarkan unsur-unsur yang tidak diingini daripada mempengaruhi tingkahlaku mereka. Selain itu, tindakan menyerah hak kawalan dengan jaminan wang ini juga bertujuan menyedarkan ibu bapa yang selama ini leka atau tidak menitikberatkan tugas mendidik anak-anak, sekaligus mendidik ibu bapa mendisiplinkan diri dalam melaksanakan kewajipan mereka dengan sebaik-baiknya, iaitu membetulkan kembali sikap dan perangai buruk pada diri anak-anak. Kegagalan ibu bapa menjalankan amanah ini patut dikenakan denda, dan rampasan wang jaminan adalah *output* kepada kegagalan tersebut. Manakala tindakan melepaskan pesalah dengan memberi amaran, dengan jaminan atau tanpa

jaminan yang biasanya melibatkan kesalahan yang dilakukan pada kali pertama atau kesalahan yang kecil, merupakan suatu peringatan kepada juvenil agar berhati-hati dalam setiap tindakan mereka seterusnya. Tindakan ini sekaligus memberi peluang kepada juvenil membuktikan kesungguhan mereka untuk mengubah sikap daripada seorang yang delinkuen kepada seorang yang baik akhlaknya.

Berdasarkan jadual bentuk-bentuk hukuman yang dilaksanakan ke atas pesalah juvenil, jumlah mereka adalah kecil jika dinisbahkan dengan bilangan pesalah dewasa di negara ini. Fakta ini telah menyebabkan masalah yang melibatkan golongan juvenil seperti jenayah masih dianggap sebagai satu masalah kecil oleh pihak berkuasa seperti polis. Tanggapan ini telah mengakibatkan berlakunya ketidaksungguhan usaha menangani masalah jenayah dan seumpamanya di kalangan juvenil. Realiti ini amat nyata apabila isu mengenai masalah yang melibatkan golongan juvenil di negara ini sering menjadi perbincangan secara bermusim, khususnya melalui perantaraan media-media massa.

6.2: Analisis Pemulihan Pesalah Juvenil Di Malaysia

Pada dasarnya, program pemulihan akhlak pesalah juvenil di negara ini dikuasai oleh badan-badan kerajaan, terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Monopoli ini seharusnya mewujudkan suatu hasil yang memberangsangkan, terutamanya dari sudut mengurangkan kadar jenayah yang membabitkan juvenil. Bagaimanapun, setakat ini, program pemulihan akhlak tersebut dilaporkan berjaya meminimumkan kadar pengulangan kes di kalangan bekas pesalah juvenil, namun masih belum berjaya mengatasi peningkatan kes setiap tahun. Ini dibuktikan oleh data-data statistik dari Bukit Aman dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dasar-dasar pusat pemulihan akhlak seperti Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney yang hanya menerima kemasukan pesalah yang telah berusia empat belas tahun adalah wajar memandangkan mereka yang di bawah usia tersebut masih terlalu muda serta belum betul-betul memahami tindakan salah yang dilakukan. Selain itu, pesalah yang di bawah usia empat belas tahun juga lazimnya melakukan kesalahan tanpa pengetahuan dan kemahuan sebenar mereka, oleh itu masih senang untuk ibu bapa mengawal dan membetulkan kesilapan yang dilakukan.

Bagaimanapun, kelonggaran yang terdapat dalam peruntukan seksyen 40, Akta Mahkamah Juvana 1947 yang memberi peluang kepada mereka yang telah berusia lapan belas tahun dan di bawah dua puluh satu tahun untuk dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney boleh dilihat sebagai satu dorongan secara tidak langsung kepada golongan juvenil agar meneruskan sikap delinkuen selagi belum mencapai usia dua puluh satu tahun. Ini boleh melahirkan tanggapan juvenil tersebut, iaitu sekiranya kesalahan dilakukan dalam jangka usia sebelum dua puluh satu tahun, hukuman yang dikenakan masih dalam bentuk yang ringan kerana terdapatnya peruntukan seksyen 40, Akta Mahkamah Juvana 1947 yang masih mengiktiraf mereka sebagai juvenil. Dalam hal ini, timbul perbezaan antara Akta Mahkamah Juvana 1947 dengan Akta Umur Dewasa 1971 dan Akta Kontrak 1950 berkenaan umur minimum kedewasaan seseorang. Menurut Akta Umur Dewasa 1971 dan Akta Kontrak 1950, seseorang yang telah mencapai usia 18 tahun sudah diiktiraf sebagai seorang dewasa, dan sebarang kontrak yang dilakukan oleh mereka adalah sah di sisi undang-undang (*question of majority*)¹. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa mereka yang telah berusia 18 tahun telah cukup matang untuk memahami akibat dan tindakan yang dilakukan. Sekiranya pengiktirafan usia 18 tahun sebagai usia matang dan dewasa ini diterima pakai oleh undang-undang jenayah di negara ini, pastinya pesalah yang melakukan kesalahan setelah melebihi usia 18 tahun

boleh dihukum sebagai pesalah dewasa, dan bukan lagi sebagai pesalah juvenil yang lebih ringan kadar hukumannya. Dengan ini, hukuman dan pemulihan yang dijalani akan lebih memberi kesan dalam mengurangkan kadar jenayah di kalangan juvenil, terutamanya disebabkan mereka dalam usia lapan belas dan di bawah dua puluh satu tahun adalah paling ramai terlibat dalam kesalahan jenayah².

Merujuk kepada beberapa polisi pusat pemulihan seperti pengasingan antara pesalah juvenil lelaki dan perempuan, perbezaan pada warna pakaian yang disandarkan kepada senioriti pelatih dan mengasingkan pesalah mengikut kategori, iaitu kesalahan yang lebih ringan dimasukkan ke Sekolah Tunas Bakti dan kesalahan yang lebih berat ke Sekolah Henry Gurney, masing-masing mempunyai kebaikannya. Pengasingan antara pesalah juvenil lelaki dan perempuan boleh menghindarkan masalah sosial yang lebih teruk lagi seperti pergaulan bebas yang mampu mencetuskan kes rogol, zina, mengandung di luar nikah dan seumpamanya, apatah lagi juvenil yang ditahan di pusat-pusat pemulihan tersebut memang sedia bermasalah. Perbezaan pada warna pakaian yang didasarkan kepada senioriti pelatih juvenil boleh mendorong mereka untuk berkelakuan baik, iaitu apabila pelatih junior berhasrat untuk lekas mendapat kenaikan ‘pangkat’ dan dengan itu akan lekas mendapat pembebasan. Sekiranya

seseorang pelatih berkelakuan buruk, mereka tahu bahawa mereka akan kekal pada ‘pangkat’ yang disandang atau diturunkan ‘pangkat’ dan ini pastinya memalukan mereka. Oleh itu seboleh-bolehnya mereka akan berusaha untuk mengekalkan peribadi yang baik agar tidak akan mendapat malu apabila diturunkan ‘pangkat’ atau lambat mendapat kenaikan ‘pangkat’ tersebut. Sementara pengasingan pesalah mengikut kategori, iaitu kesalahan yang lebih ringan ke Sekolah Tunas Bakti dan kesalahan yang lebih berat ke Sekolah Henry Gurney boleh mengelakkan bekas pesalah dalam kesalahan kecil daripada bergaul dan dipengaruhi atau terpengaruh dengan bekas pesalah dalam kesalahan yang lebih berat. Ini kerana semasa di pusat pemulihan akhlak, setiap pelatih juvenil mempunyai masa untuk bergaul dengan rakan-rakan sesekolah, dan pergaulan ini sedikit sebanyak boleh memberi kesan kepada pembinaan semula tingkah laku mereka. Pergaulan sesama ‘taraf’, iaitu pesalah dalam kesalahan yang sama atau lebih kurang kategorinya sedikit sebanyak mampu mengelakkan risiko ini. Tambahan pula pemulihan akhlak pesalah yang lebih kecil kesalahannya kebiasaannya tidak sesukar memulihkan akhlak pesalah yang lebih berat kesalahannya.

Setiap pusat pemulihan akhlak mengarahkan pelatih-pelatih juvenil agar patuh pada peraturan dan disiplin yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk

membiasakan mereka melakukan perkara-perkara yang baik dan menjauhi perkara-perkara sebaliknya. Peraturan dan disiplin yang perlu dipatuhi merangkumi larangan-larangan terhadap sesuatu perkara seperti larangan menghisap rokok dan suruhan-suruhan tertentu seperti suruhan berkawad pada setiap pagi dan suruhan sembahyang berjemaah kepada pelatih muslim pada waktu sembahyang tertentu dan lain-lainnya. Walaupun larangan dan suruhan ini hanya melibatkan pelatih juvenil, dalam sesetengah situasi, ianya wajar dipatuhi sama oleh pegawai-pegawai yang bertugas mengawal mereka. Sebagai contoh, terdapat para pegawai yang merokok semasa bertugas di pusat-pusat pemulihan, sedangkan sikap ini memperlihatkan contoh yang tidak baik kepada para pelatih yang sedang menjalani proses pemulihan diri. Meskipun perbuatan seperti merokok adalah suatu perkara kecil, namun ianya bukan suatu perbuatan yang baik untuk ditonjolkan terhadap pelatih juvenil tersebut. Seterusnya setiap pelatih yang melanggar disiplin dan peraturan sekolah akan dikenakan denda dalam bentuk yang pelbagai, iaitu bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Tindakan ini adalah wajar dan berpatutan sebagai satu langkah mendidik para pelatih terbabit agar bersungguh-sungguh memulih dan membaiki diri, di samping memberi pengajaran kepada pelatih lain agar berhati-hati dan tidak melanggar disiplin yang ditetapkan untuk kebaikan mereka.

Pusat-pusat pemulihan akhlak juvenil di negara ini mengambil dasar pemulihan daripada sistem *Borstal* yang berasal dari England. Sistem ini bagaimanapun, telah diubahsuai dengan situasi setempat dan semasa. Sistem ini juga adalah suatu sistem yang baik kerana ia menyarankan pemulihan bekas pesalah dengan mendidik dan melayan mereka sama seperti seorang individu, agar mereka tidak merasa terasing atau tersisih. Sistem ini turut menyarankan penggilapan minat seseorang terhadap sesuatu perkara yang baik yang dilakukan secara teratur. Selaras dengan itu, pusat-pusat pemulihan akhlak di negara ini dilihat amat menekankan aspek kemahiran vokasional sebagai satu cara pemulihan diri bekas pesalah. Namun penekanan kepada kemahiran berbentuk vokasional ini tidak diseimbangkan dengan pendidikan berbentuk kerohanian, sedangkan seseorang bekas pesalah yang hanya mahir dalam sesuatu bidang vokasional tidak terjamin mampu mengelakkan diri mereka kembali terjebak dalam jenayah dan seumpamanya. Sebaliknya kemantapan aspek kerohanian seseorang disertai dengan kemahiran dalam sesuatu bidang akan melahirkan insan yang bukan sahaja dihormati kerana kepandaianya, tetapi juga dihormati kerana akhlaknya. Memandangkan sistem *Borstal* yang disandarkan dalam corak pemulihan pesalah juvenil di negara ini adalah fleksibel, iaitu boleh diubah dan disesuaikan dengan keadaan

setempat, sewajarnya corak pemulihan akhlak pesalah juvenil diubahsuai dan tidak terlalu berpegang kepada prinsip seperti menggilap minat dan kemahiran seseorang sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Aspek kaunseling dan *therapeutic community* yang dilaksanakan di sesetengah pusat pemulihan akhlak telah diakui oleh kebanyakan pegawai di pusat pemulihan tersebut sebagai berkesan, khususnya dalam menangani pelatih yang bermasalah dalam ketagihan dadah. Sewajarnya kaunseling dan *therapeutic community* ini turut diubahsuai agar sesuai diaplikasikan terhadap semua pelatih dalam program-program pemulihan akhlak di seluruh pusat pemulihan akhlak dalam negara dan tidak hanya terhad kepada mereka yang terjebak dalam masalah dadah semata-mata. Jika pelaksanaannya seperti kini, iaitu mengutamakan pelatih yang mempunyai masalah dengan dadah, ianya seperti manafikan peluang untuk pelatih dalam masalah lain umpama merogol, membunuh dan mencederakan orang, untuk mendapat pemulihan seperti rakan-rakan dalam masalah dadah.

Pelatih juvenil yang berkelakuan baik dan cukup tempoh penahanan lazimnya akan melalui pra pelepasan yang dipanggil sebagai cubaan akhlak. Proses ini biasanya berlanjutan selama setahun, iaitu setiap bekas pelatih yang dibebaskan diwajibkan mendaftar diri setiap tiga bulan sekali

kepada pegawai akhlak yang berdekatan. Bagaimanapun, proses cubaan akhlak atau dipanggil juga sebagai proses pemantauan ini hanya disyaratkan sekiranya bekas pelatih dibebaskan sebelum berusia dua puluh satu tahun, sebaliknya bagi mereka yang telah mencapai usia dua puluh satu tahun akan mendapat pengecualian daripada menjalani proses cubaan akhlak. Polisi seperti ini dilihat sebagai memberi kelonggaran dan keistimewaan kepada bekas pelatih yang telah cukup usia dua puluh satu tahun, dan didasarkan kepada status mereka sebagai seorang dewasa, bukan lagi sebagai seorang juvenil. Bagaimanapun, pengecualian ujian pemantauan akhlak ini lebih mengundang keburukan disebabkan tidak terdapatnya jaminan yang bekas pelatih yang baru memulakan zaman dewasanya, akan terus berkelakuan baik sejurus selepas dibebaskan. Sepatutnya, mereka daripada pusat tahanan juvenil yang dibebaskan setelah mencapai usia dua puluh satu tahun turut dikenakan proses cubaan akhlak atau pemantauan untuk suatu tempoh tertentu yang didasarkan kepada tahap kesalahan yang pernah dilakukan sebelumnya. Ini bagi memastikan ketelusan bekas pelatih dalam menzahirkan sikap ‘baru’ mereka setelah pernah dicop sebagai pesalah.

Secara keseluruhannya, usaha menempatkan para pesalah juvenil di pusat-pusat pemulihan akhlak dalam negara, iaitu bagi pesalah dalam kes-kes

moral dan jenayah adalah satu tindakan yang tepat. Ini kerana proses pembaikan akhlak dan pemulihan diri perlu dilakukan secara intensif beserta tumpuan sepenuhnya kepada pesalah, dan ianya agak sukar dilakukan di rumah-rumah, terutamanya oleh ibu bapa yang seharian sibuk bekerja. Tambahan pula, kebanyakan pesalah datangnya dari golongan yang tinggal di persekitaran yang tidak selesa dan boleh merangsang mereka menjadi delinkuen, dipengaruhi melakukan perbuatan salah dan seumpamanya. Situasi ini tentunya tidak sesuai untuk perkembangan diri yang sihat, lebih-lebih lagi dalam kes pemulihan akhlak bekas pesalah juvenil. Penempatan mereka di pusat-pusat pemulihan akhlak seperti Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney akan lebih mendisiplinkan serta akan lebih memberi kesan kepada pemulihan bekas pesalah, terutamanya bagi mereka yang tidak terkawal. Penahanan pesalah juvenil di pusat-pusat pemulihan akhlak ini, bagaimanapun, tidak bererti terputusnya hubungan mereka dengan ahli keluarga. Ini kerana setiap ahli keluarga, terutamanya ibu bapa dibenarkan, malah digalakkan melawat pelatih-pelatih juvenil pada waktu yang telah ditetapkan pada hujung minggu atau cuti khas bagi merapatkan hubungan kekeluargaan. Ia diharap akan dapat memberi semangat kepada pelatih-pelatih juvenil dalam usaha memulih dan membaiki diri, malah mereka tidak terasa dipinggirkan sebaliknya masih disayangi.

6.3: Penilaian Islam Terhadap Hukuman Dan Pemulihan Pesalah

Juvenil Di Malaysia

Proses pra-hukum yang melibatkan juvenil yang didakwa melakukan kesalahan seperti menyelidik latarbelakang, merujuk peruntukan statut dan melantik penasihat adalah suatu perkara yang baik bagi memastikan hukuman yang bakal diberikan adil dan wajar. Ini kerana sesuatu hukuman di dalam Islam bertujuan untuk menjaga kebijakan masyarakat daripada dimusnahi serta menjaga kebijakan manusia seluruhnya³. Keadilan juga adalah suatu tuntutan dalam Islam sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah *al Mā' idah*, ayat 8:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوْمٌ يَسْتَعْدِدُونَ
بِالْقِسْطِ وَلَا يَغْرِيْنَكُمْ شَيْءٌ إِنَّ قَوْمًا عَلَى الْأَدْلِيْةِ
تَعْدِلُونَ إِنَّمَا أَهُوَ قَرْبٌ لِلتَّقْوَىٰ ...

Yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil, dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil, berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa...

Sekiranya aspek-aspek seperti siasatan latarbelakang dan seumpamanya tidak diambilkira, dibimbangi hukuman yang akan diberikan tidak adil dan menzalimi mangsa. Perkara ini telah dilakukan oleh sahabat Rasulullah s.a.w, iaitu ‘Umar al Khattāb semasa beliau menjadi hakim. Setelah siasatan dilakukan, ‘Umar telah membatalkan hukuman potong tangan ke atas seorang pesalah yang mencuri pada zaman kebuluran disebabkan kelaparan, iaitu mencuri kerana terpaksa disebabkan darurat⁴.

Demikian juga dengan bentuk-bentuk hukuman seperti memberi amaran kepada pesalah, mengenakan denda, memerintahkan ibu bapa menjalankan tanggungjawab mendidik semula anak-anak dengan betul dan seumpamanya adalah selaras dengan konsep hukuman terhadap pesalah juvenil yang menjurus kepada *ta’dīb* dan bukannya menghukum⁵. Oleh itu, dasar-dasar yang diperuntukkan dalam bentuk hukuman dan pemulihan pesalah juvenil seperti mengasingkan daripada pesalah dewasa, mengadakan perbicaraan di kamar yang tertutup, mengecualikan pesalah dari hukuman penjara dan hukuman mati serta membebaskan pesalah yang terlalu muda (dipanggil sebagai pesalah yang belum mumaiyiz) adalah bertepatan dengan konsep *ta’dīb* di dalam Islam.

Penyerahan hak jagaan pesalah juvenil yang masih boleh dikawal kepada ibu bapa adalah berpatutan sebagai satu penilaian balik kesempurnaan pelaksanaan tanggungjawab mereka selama ini. Pendidikan anak-anak adalah tugas awal ibu bapa, dan peribadi anak-anak lazimnya terbentuk berdasarkan corak didikan yang mereka terima. Kegagalan ibu bapa melaksanakan tugas mendidik dengan betul sehingga anak-anak terjebak dengan masalah delinkuen wajar dihukum dan rampasan wang jaminan seperti yang dilakukan dalam sistem hukuman pesalah juvenil hari ini adalah suatu peringatan agar tidak meringankan tugas yang telah diamanahkan terhadap anak-anak. Konsep pendidikan dalam Islam membenarkan ibu bapa melaksanakannya dengan apa cara selagi tidak bercanggah dengan syarak, iaitu dengan pukulan sekali pun. Ini dapat dilihat daripada hadith Rasulullah s.a.w yang menyarankan ibu bapa memukul anak-anak yang enggan sembahyang setelah mereka berusia sepuluh tahun⁶.

Penyerahan tugas membimbing dan mengawal anak-anak atau juvenil yang bermasalah tetapi masih boleh dikawal kepada keluarga lain, iaitu setelah mahkamah mendapati ibu bapa tidak mampu melaksanakannya dengan baik, memang suatu tindakan yang wajar. Ini bagi memastikan kemaslahatan juvenil tersebut terjaga dengan sempurna, selaras dengan

prinsip *mashālih mursalah* di dalam fiqh Islam. Sekiranya mereka dibiarkan berada di bawah jagaan ibu bapa yang tidak mampu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik, ianya boleh memburukkan lagi keadaan serta boleh memusnahkan masa depan juvenil tersebut. Oleh itu keputusan mahkamah agar mereka dijaga oleh keluarga lain yang dirasakan mampu membentuk peribadi juvenil itu dengan baik, adalah seajar dengan prinsip mencegah ruang yang boleh mendatangkan keburukan (*sadd al dharā'i*) yang terdapat dalam syari'at Islam. Menurut prinsip ini, sekiranya terdapat sesuatu perkara atau keadaan yang boleh mengundang keburukan, ianya wajar dicegah atau dihalang⁷. Dalam hal ini, juvenil yang telah sedia mempunyai kelakuan buruk patut dicegah dari terus menjadi semakin buruk, sama ada dengan cara meletakkan mereka di bawah kawalan orang-orang yang dirasakan dapat memulihkan perlakuan mereka, memasukkan mereka ke pusat-pusat pemulihan dan sebagainya.

Dasar pusat pemulihan akhlak juvenil yang tidak membenarkan kemasukan pesalah yang belum berumur empat belas tahun dilihat sebagai satu langkah untuk mengelakkan kemasukan mereka yang terlalu muda dan belum betul-betul mumaiyiz. Ini memandangkan juvenil yang berumur di bawah empat belas tahun biasanya tidak ramai terlibat dalam kesalahan jenayah, di samping secara lazimnya masih belum sukar untuk dibetulkan kesilapan

yang dilakukan. Bagaimanapun peruntukan yang membenarkan pesalah yang telah berusia lapan belas tahun dan di bawah dua puluh satu tahun memasuki pusat pemulihan akhlak juvenil dilihat sebagai tidak wajar dan bertentangan dengan peruntukan di dalam Islam. Menurut Islam, usia paling maksimum untuk seseorang diiktiraf sebagai juvenil adalah sebelum lapan belas tahun. Mereka yang telah mencapai usia lapan belas tahun sudah mumaiyiz dan baligh, serta *asyuddah*, iaitu dewasa dan layak menguruskan harta mereka. Ini bererti mereka telah boleh dipertanggungjawabkan atas setiap urusan termasuk kesalahan yang dilakukan⁸, dan tidak layak untuk mendapat keringanan dalam bentuk hukuman sepetimana pesalah juvenil lain.

Pemulihan akhlak pesalah juvenil di negara ini yang didasarkan kepada sistem *Borstal* didapati lebih memberi penekanan kepada aspek-aspek fizikal. Setiap pelatih juvenil diwajibkan memilih satu bidang kemahiran yang kelak akan menjadi sandaran untuk mereka mendapatkan pekerjaan. Namun pada masa yang sama, pelatih juvenil tersebut tidak diberi penekanan dalam aspek-aspek kerohanian sebagai benteng pertahanan diri daripada pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan mereka. Meskipun terdapat bentuk pemulihan yang bercorak kerohanian seperti pengajian agama bagi pelatih muslim dan bukan muslim, namun peruntukannya

terlalu terhad. Berbanding latihan vokasional yang dijalankan secara intensif, pendidikan keagamaan atau kerohanian hanya melibatkan sedikit masa pada hujung minggu dan lebih sedikit kepada pelatih muslim, khususnya dalam aspek sembahyang lima waktu setiap hari. Bagaimanapun kewajipan kepada mereka untuk berjemaah hanya pada dua waktu, iaitu Maghrib dan Isyak, serta bebas dilakukan secara sendirian pada waktu selainnya, boleh memberi peluang untuk ponteng sembahyang di kalangan pelatih tersebut. Perkara ini jelas berbeza dengan dasar Islam yang mementingkan kesyumulan dalam pembentukan jasmani dan rohani setiap insan. Islam menggalakkan umatnya menguasai sesuatu bidang yang boleh membawa kebaikan, dan pada masa yang sama mementingkan kemantapan rohani mereka. Ini bagi mengelakkan seseorang itu terjebak dalam perkara-perkara yang tidak diingini. Pendidikan rohani, atau pendidikan jiwa (*tarbiyat al nafs*) yang sempurna dengan sendirinya akan mencegah seseorang daripada terlibat dalam gejala-gejala tidak sihat seperti mengambil hak orang lain, mencabul kehormatan seseorang dan sebagainya⁹. Amalan mengutamakan pemulihan bercorak kemahiran vokasional menunjukkan bahawa penghayatan nilai-nilai kerohanian tidak begitu dititikberatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak juvenil di negara ini. Para pelatih juvenil tersebut tidak diberi bekalan rohani yang seimbang

dengan kemahiran hidup sedangkan rata-rata mereka cetek pengetahuan agama.

Polisi pengasingan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan seperti pengasingan antara pesalah juvenil dan pesalah dewasa, dan pengasingan antara pesalah lelaki dan perempuan adalah selaras dengan kaedah *sadd al dharī'ah*, iaitu mengelakkan ruang untuk segala keburukan dan fitnah¹⁰. Pergaulan dengan pesalah dewasa boleh mendorong pesalah juvenil mengetahui dan mempelajari lebih banyak perkara negatif yang tidak diketahui sebelumnya. Pergaulan antara lelaki dan perempuan pula lebih banyak dipengaruhi oleh rangsangan seks¹¹. Oleh itu langkah-langkah pengasingan seumpama ini memang patut diwujudkan bagi mencegah kemungkinan buruk dari berlaku.

Syarat pematuhan disiplin dan peraturan sekolah adalah satu langkah yang baik dalam memulihkan akhlak bekas pesalah. Bagaimanapun, setiap disiplin yang baik wajar diikuti dan dipatuhi oleh setiap pelatih juga pegawai di pusat-pusat pemulihan, walaupun melibatkan perkara yang kecil. Ini akan menampakkan kesungguhan pegawai dalam membantu para pelatih menjalani pemulihan diri serta kesungguhan pelatih untuk mengubah diri mereka menjadi baik. Selain itu, komitmen para pegawai

terhadap disiplin dan peraturan yang boleh mendorong perubahan sikap seseorang pelatih adalah perlu memandangkan mereka akan dinilai sebagai model atau ikutan oleh pelatih tersebut. Para pegawai pusat pemulihan sepatutnya mengikuti jejak Rasulullah s.a.w dalam memperlihatkan akhlak yang baik untuk dijadikan ikutan oleh umat baginda¹².

Terdapat sedikit persamaan hukuman antara pesalah juvenil dengan pesalah dewasa dalam soal pewarisan harta di dalam Islam. Perkara ini, bagaimanapun, tidak diperuntukkan dalam undang-undang biasa. Menurut hukum Islam, seseorang anak yang membunuh warisnya dengan sengaja tidak akan mendapat pusaka, tidak kira anak tersebut telah dewasa atau masih juvenil. Hukum ini adalah sabit berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh “Amr ibn Syu’ain yang bermaksud: “*pembunuhan tidak mendapat pusaka*”¹³. Namun bagi mereka yang melakukan pembunuhan waris tersebut dengan tidak sengaja, boleh menerima pusaka disebabkan sifat belum *mukallaf*¹⁴. Peruntukan ini bertujuan agar seseorang juvenil atau sesiapa sahaja sentiasa berhati-hati dalam setiap tindak-tanduk mereka serta tidak melampaui batas sehingga sanggup melakukan jenayah pembunuhan yang kejam, lebih-lebih lagi ke atas waris. Halangan mendapat pusaka bagi juvenil yang melakukan pembunuhan waris dengan sengaja dilihat sebagai satu ‘hukuman’ oleh syarak ke atas mereka.

Kesimpulannya, kebanyakan aspek yang terkandung dalam bentuk hukuman dan pemulihan akhlak pesalah juvenil di negara ini adalah suatu perkara yang baik yang diwujudkan bagi menangani golongan juvenil yang bermasalah. Segala program yang diatur di pusat-pusat pemulihan akhlak jelas bertujuan untuk mendisiplin dan membaiki sikap bekas pesalah juvenil daripada kesilapan yang pernah dilakukan. Namun begitu, nyata sekali program pemulihan akhlak yang diatur itu lebih memberatkan pembinaan lahiriah bekas pesalah, iaitu dengan mengutamakan pendidikan atau kemahiran yang bercorak vokasional, sementara nilai-nilai kerohanian yang berupaya membina *spiritual* pelatih juvenil tersebut seperti yang dituntut di dalam Islam, tidak diberi penekanan. Demikian juga layanan yang diberi terhadap pesalah yang telah berusia lapan belas tahun dan dibawah dua puluh satu tahun dengan sesuatu yang layak bagi seorang juvenil adalah suatu kredit yang seharusnya diluputkan. Tambahan pula menurut hukum Islam, lapan belas tahun adalah usia paling maksimum untuk perkiraan baligh seseorang, sekaligus menggolongkan mereka sebagai dewasa.

Nota Hujung

¹ Lihat seksyen 2, Akta Umur Dewasa 1971 dan seksyen 11, Akta Kontrak 1950.

² Rujuk statistik dalam bab ketiga.

³ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *al Jarīmah wa al ‘Uqūbah fī al Fiqh al Islāmī (al ‘Uqūbah)*; Qāhirah: Dār al Fikr al ‘Arabi, m.s.27.

⁴ al Ḥallāwī, Muḥammad ‘Abdul ‘Azīz (t.t), *Fatāwā wa ‘Aqdiyah ‘Umar bin al Khaffāb*; Qāhirah: Maktabah al Qur’ān, m.s. 179-180.

⁵ ‘Awdaḥ, ‘Abdul Qadīr (t.t), *al Tasyrī’ al Jinā’i al Islāmī*; Jilid 1, Beirut: Dār al Kitāb al ‘Arabi, m.s.604.

⁶ Abū Dāwūd, Sulaimān bin al Asy’ath (1980), *Sunan Abī Dāwūd*; Dicetak bersama, al Ḥafīẓ al Mundhīrī, *Mukhtaṣar Sunan Abī Dāwūd (Kitāb al Tahārah)*; Jilid 1, Beirut: Dār al Ma’rifah, m.s.270.

⁷ Wahbah al Zuhaylī (Dr) (1996), *Uṣūl al Fiqh al Islāmī*; Jilid 2, Damsyiq: Dār al Fikr, m.s.877.

⁸ Pendapat Imām Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik yang didasarkan kepada ayat 152, surah *al An’ām*. Pendapat ini melanjutkan sedikit had usia untuk seseorang mula dianggap dewasa, iaitu dari usia 15 tahun berdasarkan pendapat *jumhur* fuqaha.

⁹ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), op.cit., m.s.24.

¹⁰ Wahbah al Zuhaylī (Dr) (1996), op.cit., m.s.877.

¹¹ Anisah Abdul Ghani (Dr), ‘Batas-batas Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan Masyarakat Islam Kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa’; Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan (17-18 Jun 1997); Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s.13.

¹² rujuk al Quran dalam surah *al Ahzāb*, ayat 21 yang bermaksud: “*dan sesungguhnya Rasulullah itu menjadi ikutan yang baik untuk kamu dan orang-orang yang mengharapkan menemui Allah dan hari akhirat serta orang-orang yang banyak mengingati Allah.*”

¹³ Ibn Mājah, Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Yazīd al Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibn Mājah (Kitāb al Diyāt)*; Jilid 2, Beirut: Dār al Fikr, m.s.884.

¹⁴ pendapat mazhab Ḥanafī dan Mālikī